

## Harga 25 jenis barangan turun sejak Julai 2014 lalu

Oleh MOHD. AFIQ ZULKIFLI  
afiq.zulkfli@kosmo.com.my

**PUTRAJAYA** - Harga bagi 25 jenis barangan terdiri daripada bahan mentah untuk masakan dan peralatan kebersihan diri merekodkan penurunan kurang daripada satu peratus hingga 18 peratus bagi tempoh Julai 2014 hingga Januari tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek (**gambar**) berkata, antara barangan tersebut

termasuk ayam bersih standard yang dijual dengan harga RM7.33 sekilogram pada Julai tahun lepas kini boleh didapati pada harga RM6.73 sekilogram.



Antara barangan lain yang turut mencatat penurunan adalah kepak ayam (18.25 peratus); limau mandarin (16.50 peratus); udang putih ternak (2.01 peratus); ubi kentang (6.17 peratus); beras cap Rambutan Super Special Tempatan 5 peratus (0.12 peratus) dan bawang kecil merah import dari China (4.94 peratus).

Hasan berkata, pihaknya sen-

tiasa memberi perhatian terhadap harga barangan dan caj bagi perkhidmatan kerana sebarang peningkatan harga akan memberi impak langsung ke atas kos sara hidup rakyat.

"Kerajaan memandang serius terhadap penurunan harga yang sewajarnya dilakukan oleh pihak industri ekoran penurunan harga runcit petroleum," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat isu harga barang dan caj perkhidmatan berikutan penurunan harga petroleum di sini semalam.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Perdagangan Dalam

Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Mengulas mengenai mesyuarat itu yang turut dihadiri penguatkuasa, pemborong dan pengedar, Hasan berkata, pertemuan berkala tersebut memberi kesan positif apabila terdapat pihak yang sedia menurunkan harga barangan masing-masing.

Beliau memberikan contoh, Pasar Raya Mydin sedia menurunkan harga bagi 50 jenis barangan di semua premis milik syarikat itu di seluruh negara mulai Jumaat ini.

Selain itu, ujarnya, Perseku-

tuan Persatuan-Persatuan Pen-ternak Malaysia telah bersetuju untuk meminta ahlinya menurunkan harga telur ayam pelbagai gred.

"Persatuan Pengusaha Restoran Muslim dan Persatuan Pengusaha Restoran India pula akan meminta ahli mereka menurunkan harga untuk menu menu tertentu.

"Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) juga telah bersetuju mengadakan mesyuarat mengenai harga barang dan akan memberi maklum balas kepada kementerian pada 17 Februari ini," katanya.

Persiapan terakhir sempena pementasan pembukaan berjalan lancar

## Diari Wanita... bermula hari ini

Oleh NOR SHAFAWATI YUP  
shafawati.yup@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** - Pihak produksi teater *Diari Wanita... Episod YB dan Nyonya* sudah bersedia sepenuhnya untuk melancarkan pementasan di Panggung Sari, Istana Budaya pada sesi tayangan bermula hari ini hingga 16 Februari.

"Dari segi teknikal, persiapan sudah selesai. Kami telah melakukan pelbagai latihan dan ujian supaya pementasan pada hari pertama dapat dipentaskan dengan jayanya," ujar penerbit teater tersebut, Siti Rohayah Attan ketika dihubungi di sini semalam.

Tambahnya: "Persiapan lain seperti penataan bunyi, pencahayaan, set pentas, kostum dan segala persiapan teknikal juga sudah tersedia."

Menurut Siti Rohayah, pihaknya telah membuat majlis pratonton



pada minggu lalu bagi memastikan perjalanan teater lancar dan mengikut perancangan.

"Teater yang dipentaskan pada kali ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

"Karya ini mengisahkan seorang pemimpin wanita yang berjuang untuk golongan hawa dan masyarakat. Pada masa sama ia memaparkan kisah perebutan harta yang berlaku dalam sebuah keluarga," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut mengalu-alukan badan-badan korporat untuk menyumbang tiket kepada golongan kurang berkemampuan iaitu anak yatim dan ibu tunggal bagi menyaksikan teater tersebut.

"Pakej menarik akan diberikan kepada badan-badan korporat terbahit dan untuk sebarang pertanyaan sila hubungi talian 017-200 4249," ujarnya.



TEATER *Diari Wanita... Episod YB dan Nyonya* dihangatkan dengan kemunculan (dari kiri) Misha Omar, Juhara Ayob dan Amy Mastura.

Tiket-tiket menyaksikan teater itu dijual pada harga RM35, RM55, RM85, RM105 dan RM155 di kaunter tiket Istana Budaya.

Sementara itu, bagi menghangatkan lagi pementasan teater tersebut CTRA Production dengan kerjasama akhbar

*Kosmo!* menganjurkan Kuiz *Diari Wanita... Episod YB dan Nyonya* yang menawarkan 200 keping tiket untuk dimenangi 100 pemenang bertuah. Para peserta hanya perlu menjawab dua soalan mudah berserta slogan kreatif pada borang asal yang disediakan.

### INFO Teater Diari Wanita

Tajuk: *Diari Wanita... Episod YB dan Nyonya*  
Tarikh: 11 hingga 16 Februari 2015  
Lokasi: Istana Budaya, Kuala Lumpur

#### Barisan artis:

- Amy Mastura
- Misha Omar
- Sherry Alhadad
- Nad Zainal
- Nur Nazira
- Harizan
- Juhara Ayob
- Dina Nadzir
- Dayang Kartini Awang
- Shahrul Mizad Ashari

#### Harga tiket:

RM35, RM55, RM85, RM105, RM155

Tel: 03-4026 5558

Web: [www.AirAsiaRedTix.com](http://www.AirAsiaRedTix.com)

ctra production

Tel: 03-6186 6592

03-8775 4666

017-200 4249

## Saman RM500,000 terhadap Zizan ditolak

**KUALA LUMPUR** - Mahkamah Tinggi di sini semalam menyetujui saman RM500,000 yang difailkan oleh bekas pembantu peribadi pelawak dan pelakon, Zizan Razak terhadap artis itu berhubung pembekuan akaun Wire Fame Entertainment Sdn. Bhd. (Wire Fame).

Hakim Datuk John Louis O'Hara membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Zizan, 31, yang merupakan defendan kedua.

Dalam saman berkenaan, Marina Juki, 31, selaku plaintif mendakwa mengalami gagal



ZIZAN



MARINA

menunjukkan bagaimana beliau mengalaminya, kata hakim itu ketika mengumumkan keputusannya.

Beliau berkata, plaintif juga gagal mendapatkan kebenaran untuk memohon tindakan dikenakan terhadap defendan ketiga iaitu Wire Fame seperti yang diperlukan mengikut Seksyen 181 A(1)



KERATAN *Kosmo!* 15 Januari 2015.

Akta Syarikat 1965.

Hakim itu memerintahkan kos RM10,000 dibayar kepada Zizan dan RM10,000 kepada defendan pertama, Maybank Islamic Berhad.

Pada 30 September 2014 lalu, Marina menyaman Maybank Islamic Berhad, Zizan atau nama sebenarnya Mohd. Razizan Ab. Razak dan Wire Fame kerana peranan mereka dalam pembekuan akaun

syarikat itu.

Wanita itu mendakwa mengalami kerugian besar kerana artis yang bernaung di bawah syarikat berkenaan tidak lagi berminat membarui kontrak masing-masing.

Peguam Harjit Sandhu mewakili Marina manakala Zizan dan Wire Fame masing-masing diwakili peguam Rishwant Singh dan Jimmy Liew. - Bernama

Advertisement for PM Door & Locks Trading. It features several door models with prices: KLA-60 (RM1180), MD-002 (RM98), KR-10 (RM199), KLA-1 (RM399), BI-FOLD (RM398), and PM-1E (RM598). The company is located at 45-00-1, Lorong Batu Nilam 1E, Bandar Bukit Tinggi, 41200 Kelang, Selangor. Contact: Tel: 03-3324 2468 / 03-3324 9907. Fax: 03-3324 9607. H.P: 016-224 8858. Website: [www.pmdoor.com](http://www.pmdoor.com). \*Dibuka dari isnin - Sabtu.